

HARI KELUARGA KUKUM 2005
2 Oktober 2005

HARI KELUARGA KUKUM 2005

HARI KELUARGA KUKUM 2005 telah diadakan dengan pada begitu meriah dan ceria pada hari Ahad, 2 Oktober 2005 yang lalu. Lebih seribu orang ahli keluarga besar KUKUM yang terdiri dari semua peringkat kakitangan telah hadir bersama keluarga masing-masing pada pesta yang diadakan di tengah-tengah bandar Kangar itu, iaitu di Padang Dato' Sheikh Ahmad bersebelahan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis.

Pusat pengajian kejuruteraan Bahan telah diamanahkan untuk menganjurkan Hari Keluarga KUKUM 2005 ini yang kali terakhir diadakan pada 28 Disember 2003 yang lalu.

Sambutan Hari Keluarga pada kali ini dimulakan dengan ucapan perasmian yang telah disampaikan oleh Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM seterusnya diikuti dengan acara senamrobik dan tarian Poco-Poco secara beramai-ramai yang diketuai sendiri oleh Y. Bhg. Dato' Rektor.

Pelbagai aktiviti riadah dan sukaneka telah dijalankan pada sambutan Hari Keluarga 2005 yang bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir kira-kira pukul 6.30 petang itu. Antara acaranya ialah Tiup Tepung, Lari Ikat Kaki, Golf padang dan Lari dalam Guni. Selain acara untuk warga KUKUM, terdapat juga acara yang melibatkan keluarga terutamanya pertandingan Karaoke, Catur dan Karom yang terbuka untuk dewasa dan kanak-kanak.

Warga besar KUKUM yang hadir pada hari itu telah dihiburkan oleh Band undangan The Heritage sambil diselangi dengan nyanyian karaoke oleh staf dan keluarga. Pada petangnya diadakan acara tarik tali yang merupakan acara kemuncak dimana dua kategori dipertandingkan iaitu kategori staf lelaki dan staf wanita.

Pada sebelah petangnya, semua hadir masih setia sehingga ke upacara penyampaian hadiah bagi pemenang pertandingan-pertandingan yang telah diadakan. Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan sendiri oleh Y. Bhg. Dato' Rektor. Sejurus selepas itu, merupakan acara yang ditunggu-tunggu oleh semua yang hadir iaitu cabutan bertuah dimana pelbagai hadiah istimewa disediakan antaranya televisyen 29 inci, peti sejuk, mesin basuh automatik, kamera digital, basikal, dapur gas dan banyak lagi.

Disediakan Oleh:
(MUHAMMAD NAJIB OTHMAN)

